

Hentikan tuduhan ke atas kerajaan

BU 14 MAR 1984

PETALING JAYA, Selasa — **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** mahu golongan yang mendakwa dasar pandang ke Timur hanya menguntungkan kontraktor Jepun dan Korea supaya berhenti membuat tuduhan sedemikian.

Tuduhan bahawa kerajaan mengutamakan pembelian pelbagai bahan untuk keperluan kilang dari Jepun kerana dasar itu juga tidak benar, katanya.

Perdana Menteri menegaskan pelaksanaan dasar itu tidak ada kaitan dengan kejayaan kontraktor kedua-dua negara itu memperoleh tawaran mengendalikannya projek-projek besar di negara ini.

Menurutnya, tuduhan itu adalah daripada kontraktor besar yang sama bunyinya dengan rintihan kontraktor kecil di masa lalu.

Sebaliknya, beliau berkata,

dengan pelaksanaan dasar pandang ke Timur itu kontraktor Bumiputera dapat mempelajari teknologi baru melalui usahasama dengan kontraktor asing bagi meningkatkan kemampuan masing-masing untuk merbut peluang lebih besar dalam pembangunan negara.

"Ada kontraktor-kontraktor kecil yang sudah menjadi besar dan mampu mengeluarkan bahan-bahan binaan sendiri," katanya ketika merasmikan penghantaran pelatih-pelatih ke Jepun di bawah skim latihan Gabungan Kontraktor Melayu Development Sdn. Berhad (GKM), di sini.

Awal bulan ini, Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Malaysia (MBAM) menghantar memorandum kepada kerajaan meminta bantuan supaya menyelamatkan mereka daripada "pencukupan" kontraktor asing, terutama Jepun dan Korea.

Menurut MBAM, kemasukan kontraktor Jepun dan Korea telah menghalang kontraktor-kontraktor tempatan daripada menyertai projek-projek binaan besar yang kini pesat dijalankan di negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, adalah satu kebetulan kontraktor Jepun dan Korea mendapat kontrak di negara ini kerana tawaran dibuka kepada semua kontraktor dari dalam dan luar negeri.

Kebetulan

"Kerajaan memang tidak puas hati kalau kontrak besar didapati oleh orang lain, tetapi jika mereka dapat juga, itu tidak ada kena-mengena dengan dasar pandang ke Timur," tegasnya.

Menurut Perdana Menteri, dengan adanya dasar pandang ke Timur, golongan yang dulunya, tidak mampu mengenda-

likan pelbagai projek besar kini berjaya meningkatkan kebolehan hasil latihan dan pengalaman yang diperolehi, tambahnya. Ahad lalu, Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Encik Anwar Ibrahim, menyarankan supaya agensi-agensi kerajaan memberi keutamaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang boleh melaksanakan sesuatu projek.

Beliau berpendapat, beberapa projek yang dijalankan oleh kontraktor asing sebenarnya boleh dilakukan oleh kontraktor tempatan.

Mengcnai dakwaan bahawa kerajaan mengutamakan pembelian pelbagai bahan untuk keperluan kilang dari Jepun kerana dasar pandang ke Timur, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

"Kita membelinya kerana bahap-bahan itu lebih murah dan mudah didapati berbanding daripada negara lain," ujarnya.

Perdana Menteri menyeru pengeluaran-pengeluaran barang di negara ini supaya menyediakan barang yang menjadi minat pembeli.

"Bagaimana kita hendak suruh orang beli barang kita kalau barang yang dihasilkan bukan yang boleh dijual kepada mereka?"

"Kita membeli barang, Jepun kerana barang itu perlu untuk kita dan jika kita hendak jual barang, kita kepada mereka. Kita perlu menyediakan barang dan keperluan yang boleh dijual kepada mereka," katanya.

Lima belas orang pelatih — 13 jurutera awam, seorang juruukur bahan dan seorang pegawai tadbir — akan dihantar ke Jepun untuk berkursus dan menerima latihan secara praktis di bawah rancangan GKM itu.